

Kadar perceraian paling tinggi pada tahun lepas melibatkan usia 30 hingga 34 tahun

PUTRAJAYA

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan kadar perceraian di negara ini menunjukkan peningkatan ketara iaitu daripada 43,936 kes pada tahun 2021 kepada 62,890 kes pada tahun 2022.

Ia merupakan peningkatan sehingga 43.1 peratus dan kadar tertinggi yang direkodkan sejak tahun 2016.

Mengikut statistik tersebut, perceraian pasangan Islam meningkat 45.8 peratus pada tahun lepas iaitu 46,138 kes berbanding 2021 sebanyak 31,650 kes, manakala perceraian bukan Islam juga meningkat 36.4 peratus daripada 12,286 kes kepada 16,752 kes bagi tempoh sama.

Lebih membimbangkan berdasarkan statistik Perkahwinan dan Perceraian tersebut, kadar perceraian tertinggi berlaku dalam kalangan pasangan yang masih muda iaitu di bawah usia 39 tahun.

Menurut laporan tersebut, kes perceraian tertinggi bagi lelaki Islam adalah melibatkan kumpulan umur 30 hingga 34 tahun iaitu sebanyak 9,196 orang.

Ia diikuti dengan kumpulan umur 35-39 tahun iaitu seramai 8,894 orang, manakala kumpulan ketiga tertinggi ialah 25-29 iaitu seramai 6,757 orang. Sebagai perbandingan kes perceraian lelaki Islam berusia 50-54 tahun cuma sekitar 2,959 kes dan 55-59 tahun seramai 2,084 orang.

Ramai pasangan muda bercerai

Sementara itu, bagi kes perceraian wanita Islam pula kelompok usia tertinggi juga pada umur 30-34 tahun iaitu seramai 9,631 orang, diikuti kumpulan usia lebih muda iaitu 25-29 tahun sebanyak 8,713 orang dan seterusnya julat usia 35-39 tahun seramai 8,676 orang.

Sebagai perbandingan, jumlah perceraian bagi wanita Islam lebih berusia iaitu dalam kumpulan 50-54 tahun cuma sekitar 2,369 orang dan 55-59 tahun seramai 1,523 orang.

Kedah catat kes cerai tertinggi

Dalam pada itu, tiga negeri yang mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan perceraian pasangan Islam iaitu Kedah (113.6 peratus), Sabah (94.5 peratus) dan Perlis (83.5 peratus), manakala bagi bukan Islam di Putrajaya (500 peratus), diikuti Johor (61.5 peratus) dan Melaka (59.0 peratus).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan tersebut disebabkan oleh kes yang dibawa ke hadapan daripada tahun sebelumnya.

"Selari dengan peningkatan bilangan perceraian, kadar perceraian am menunjukkan peningkatan bagi lelaki daripada 6.1 pada tahun 2021 kepada 8.7 pada 2022 bagi setiap 1,000 penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin.

"Trend yang sama juga direkodkan bagi perempuan, meningkat daripada 6.2 (2021) kepada 8.9 (2022) bagi setiap



FOTO: AI

Kadar perceraian tertinggi di Malaysia didapati menerusi laporan statistik Perkahwinan dan Perceraian oleh DOSM yang dikeluarkan pada Khamis.

1,000 penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis. Sementara itu, laporan sama turut

KADAR PERCERAIAN LELEKI DAN WANITA ISLAM IKUT USIA 2022

USIA	LELEKI	WANITA
JUMLAH	46,138	46,138
20	91	375
20-24	2,059	3,847
25-29	6,757	8,713
30-34	9,196	9,631
35-39	8,894	8,676
40-44	6,326	5,812
45-49	4,418	3,622
50-54	2,959	2,369
55-59	2,084	1,230
60-64	1,537	864
> 65	1,817	640

JUMLAH KES PERCERAIAN DI MALAYSIA DARI TAHUN 2016

2016	51,570
2017	50,314
2018	50,862
2019	56,624
2020	47,272
2021	43,936
2022	62,890

mendedahkan satu lagi trend membimbangkan dalam kalangan rakyat Malaysia, apabila bilangan perkahwinan yang direkodkan di negara ini menurun 0.5 peratus daripada 215,973 pada 2021 kepada 214,824 pada tahun lepas.

Umur penengah pengantin lelaki kekal 28 tahun, manakala perempuan meningkat kepada umur 27 tahun berbanding 26 tahun pada 2021.

Penurunan bilangan perkahwinan disumbangkan oleh penurunan 4.1 peratus bilangan perkahwinan orang Islam sebanyak 168,726 berbanding 176,002 bagi tempoh sama.

Tiga negeri menunjukkan penurunan tertinggi perkahwinan orang Islam iaitu Putrajaya, diikuti Perak dan Terengganu.

6.4 peratus pengantin umur 65 tahun ke atas kahwini pasangan muda

PUTRAJAYA - Sebanyak 6.4 peratus pengantin lingkungan umur 65 tahun dan ke atas direkodkan mengahwini pasangan yang lebih muda sekitar 24 tahun dan ke bawah.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, ia melibatkan 2.9 peratus pengantin lelaki dan 3.5 peratus pengantin perempuan berumur 65

tahun dan ke atas.

"Perkahwinan tertinggi adalah dalam kumpulan umur 25 hingga 29 tahun bagi kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan.

"Statistik juga menunjukkan umur pengantin lelaki dan perempuan paling tua yang direkodkan pada 2022, masing-masing berumur 92 serta 86 tahun," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sementara itu, Mohd Uzir memaklumkan, hampir tujuh peratus daripada jumlah

perkahwinan pada 2022 adalah perkahwinan antara pengantin lelaki dan perempuan yang berbeza kumpulan etnik.

"Bilangan perkahwinan antara etnik menurun 15.4 peratus, iaitu daripada 16,346 (2021) kepada 13,833. Perkahwinan antara etnik bagi yang beragama Islam adalah 44.2 peratus, manakala orang bukan Islam 55.8 peratus," ujar beliau.



MOHD UZIR